

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 9 Ogos 2021



KENYATAAN MEDIA
INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN, MALAYSIA
JUN 2021

Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) Malaysia merekodkan pertumbuhan positif 1.4 peratus pada Jun 2021 dan melonjak 22.6 peratus pada suku tahun kedua 2021

PUTRAJAYA, 9 OGOS 2021 – Jabatan Perangkaan Malaysia menerbitkan **INDEKS PENGELUARAN PERINDUSTRIAN (IPP), MALAYSIA, JUN 2021** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik IPP yang terdiri daripada tiga sektor utama; Perlombongan, Pembuatan dan Elektrik.

Mengulas terhadap laporan tersebut, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia berkata, “Indeks Pengeluaran Perindustrian (IPP) meningkat **1.4 peratus** pada bulan Jun 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan IPP ini disokong oleh pengembangan **10.3 peratus** dalam indeks Perlombongan. Sementara itu, indeks Pembuatan dan Elektrik masing-masing menyusut **0.2 peratus** dan **4.8 peratus**.”

Output sektor Pembuatan berdasarkan perbandingan tahun ke tahun menurun **0.2 peratus** pada bulan Jun 2021 selepas mencatatkan pertumbuhan 29.8 peratus pada bulan Mei 2021. Subsektor yang menjadi penyumbang utama kepada sektor Pembuatan pada Jun 2021 adalah Produk Petroleum, Kimia, Getah & Plastik (**19.0%**), Produk Peralatan Elektrik & Elektronik (**8.4%**) dan Produk Tekstil, Pakaian, Kulit & Kasut (**-14.5%**). Industri berorientasikan eksport memacu kepada pertumbuhan sektor Pembuatan sebanyak **8.7 peratus** manakala industri berorientasikan domestik menyusut **20.8 peratus**.


Output sektor Perlombongan tumbuh **10.3 peratus** pada bulan Jun 2021 berbanding tempoh yang sama pada tahun sebelumnya. Kenaikan tersebut disebabkan oleh peningkatan dalam indeks Gas Asli (**13.4%**) dan indeks Minyak Mentah & Kondensat (**6.3%**). Output sektor Elektrik merosot **4.8 peratus** pada bulan Jun 2021 berbanding bulan yang sama pada tahun sebelumnya.

IPP bagi suku tahun kedua 2021 melonjak **22.6 peratus** berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini dipacu oleh indeks Pembuatan, Perlombongan dan Elektrik dengan masing-masing mencatatkan kenaikan **26.3 peratus**, **15.1 peratus** dan **8.6 peratus**.

Bagi tempoh separuh tahun pertama 2021, IPP merekodkan pengembangan **12.4 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Peningkatan tersebut dipengaruhi oleh kenaikan dalam kesemua komponen; indeks Pembuatan (**15.7%**), indeks Perlombongan (**4.5%**) dan indeks Elektrik (**4.0%**).

Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (Banci Malaysia 2020) secara dalam talian (e-Census) sedang dilaksanakan di seluruh negara sehingga liputan penuh dapat dicapai. Semua penduduk Malaysia diseru untuk memberikan kerjasama dalam menjayakan Banci Malaysia 2020 bagi memastikan tiada yang ketinggalan kerana data anda masa depan kita. Sila layari portal Banci Malaysia 2020 di www.mycensus.gov.my atau media sosial @MyCensus2020 untuk maklumat lanjut.

CARTA 1 : PRESTASI INDEKS PENGETAHUAN PERINDUSTRIAN JUN 2021



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
9 OGOS 2021**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 9 August 2021



MEDIA STATEMENT
INDEX OF INDUSTRIAL PRODUCTION, MALAYSIA
JUNE 2021

Malaysia's Industrial Production Index (IPI) recorded a positive growth of 1.4 per cent in June 2021 and surged 22.6 per cent in second quarter 2021

PUTRAJAYA, 9 AUGUST 2021 – The Department of Statistics Malaysia, today released **INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX (IPI), MALAYSIA, JUNE 2021**. This publication presents statistics on IPI which consists of three main sectors; Mining, Manufacturing and Electricity.

Commenting on the report, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Chief Statistician Malaysia, said “The Industrial Production Index (IPI) rose **1.4 per cent** in June 2021 as compared to the same month of the previous year. The growth of IPI in June 2021 was underpinned by the expansion of **10.3 per cent** in Mining index. Meanwhile, the Manufacturing and Electricity indices fell **0.2 per cent** and **4.8 per cent** respectively.”

The Manufacturing sector output based on year-on-year comparison decreased by **0.2 per cent** in June 2021 after recording a growth of 29.8 per cent in May 2021. The main subsectors contributed to the Manufacturing sector in June 2021 were Petroleum, Chemical, Rubber & Plastic Products (**19.0%**), Electrical & Electronics Products (**8.4%**) and Textiles, Wearing Apparel, Leather Products & Footwear (**-14.5%**). The export-oriented industries driven the growth of the Manufacturing sector by **8.7 per cent** while domestic-oriented industries decreased by **20.8 per cent**.


The Mining sector output grew **10.3 per cent** in June 2021 as compared to the same period of the previous year. The expansion was influenced by the increase in Natural Gas index (**13.4%**) and Crude Oil & Condensate index (**6.3%**). The Electricity sector output contracted **4.8 per cent** in June 2021 as compared to the same month of the previous year.

The IPI for the second quarter 2021 soared **22.6 per cent** as compared to the same period of the previous year. The growth was steered by the Manufacturing, Mining and Electricity indices which increased by **26.3 per cent**, **15.1 per cent** and **8.6 per cent** respectively.

For the first half of 2021, the IPI recorded an expansion of **12.4 per cent** as compared to the same period of the previous year. The increment was influenced by the rise in all components; Manufacturing index (**15.7%**), Mining index (**4.5%**) and Electricity index (**4.0%**).

The Malaysia Population and Housing Census 2020 (Malaysia Census 2020) via online (e-Census) is being conducted nationwide until full coverage has been accomplished. All Malaysian residents are urged to cooperate in realising the success of Malaysia Census 2020 to ensure that no one is left behind as your data is our future. Please visit the Malaysia Census 2020 portal at www.mycensus.gov.my or social media @MyCensus2020 for more info.

CHART 1 : PERFORMANCE OF INDUSTRIAL PRODUCTION INDEX JUNE 2021



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
9 AUGUST 2021**